

DEXPROCO SYRUP

Dextromethorphan HBr (3mg/ml), Pseudoephedrine HCl (6mg/ml), Promethazine HCl (0.625mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan DEXPROCO
2. Bagaimana DEXPROCO berfungsi
3. Sebelum mengambil DEXPROCO
4. Cara menggunakan DEXPROCO
5. Semasa menggunakan DEXPROCO
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DEXPROCO
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan DEXPROCO

Ubat ini digunakan untuk melegakan batuk kering yang menjengkelkan dengan hidung tersumbat.

Bagaimana DEXPROCO berfungsi

DEXPROCO mengandungi kombinasi 3 bahan aktif iaitu *Dextromethorphan HBr*, *Pseudoephedrine HCl* dan *Promethazine HCl*.

Dextromethorphan merupakan agen penahan batuk. Ia mempengaruhi isyarat dalam otak yang mencetuskan refleks batuk.

Pseudoephedrine hydrochloride merupakan sejenis dekongestan yang melegakan hidung dan sinus yang tersumbat.

Promethazine merupakan sejenis antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat kesan histamina, mengurangkan

tindak balas alahan dan seterusnya meredakan gejala alahan tersebut.

Sebelum mengambil DEXPROCO

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- *Dextromethorphan*
- *Pseudoephedrine*
- *Promethazine*
- Sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini
- Sebarang ubat lain yang serupa

Jangan mengambil DEXPROCO jika anda

- mempunyai kahak

Simptom-simptom seperti kepeningan, sedasi, kekeliruan, hipotensi (tekanan darah rendah), mulut kering dan retensi urin (terutamanya di kalangan lelaki) mungkin lebih kerap berlaku pada warga emas.

Jika kesan-kesan sampingan berlaku secara berterusan atau bertambah teruk, henti penggunaan ubat ini.

Jika anda mengalami mana-mana keadaan seperti di atas, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Jangan mengambil DEXPROCO selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- asma
- masalah hati
- masalah pundi kencing
- glaukoma (tekanan tinggi dalam mata)
- diabetes
- masalah buah pinggang
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- *pyloroduodenal obstruction* (sekatan/halangan pyloroduodenal)
- *stenosing peptic ulcer* (ulcer disebabkan penyempitan saluran peptik)
- *prostatic hypertrophy* (pembengkakan kelenjar prostat)
- *arrhythmia* (denyutan jantung tidak teratur)
- masalah jantung
- masalah pendarahan

Jika anda hamil atau menyusukan bayi, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil DEXPROCO.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan DEXPROCO boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- furazolidone (*antibiotic*)
- procarbazine (*anticancer*)
- perencat monoamine oxidase (*an antidepressant*)
- agen anti kemurungan seperti *maprotiline* dan *tricyclic*
- antikolinergik

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh DEXPROCO atau mungkin menjelaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat lain yang perlu diberi perhatian semasa mengambil DEXPROCO atau yang perlu dielakkan.

Cara menggunakan DEXPROCO

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa DEXPROCO ialah:

Dewasa dan kanak-kanak umur 12 tahun ke atas:
10ml setiap 6 jam.

Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:

5ml setiap 6 jam

Kanak-kanak umur 2 hingga 6 tahun:

2.5ml setiap 6 jam

DEXPROCO mesti digunakan dengan berhati-hati dan mengikut nasihat doktor di kalangan kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Penggunaan ubat ini tidak digalakan di kalangan kanak-kanak umur bawah 2 tahun.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang dipreskrip oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ubat batuk biasanya diambil untuk jangka yang pendek sehingga simptom anda hilang.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa

dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom-simptom terlebih dos:

- sawan
- pernafasan cepat
- halusinasi
- peningkatan tekanan darah
- denyutan jantung yang tidak teratur
- sesak nafas berterusan atau pernafasan bermasalah
- kegelisahan yang teruk
- keresahan dan keterujaan

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil DEXPROCO, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan DEXPROCO

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru,

beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil DEXPROCO.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil DEXPROCO untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana DEXPROCO mempengaruhi anda. Ubat ini mungkin menyebabkan rasa pening atau mengantuk di kalangan sesetengah orang. Jika anda mengalami sebarang simptom-simptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan.

Berhati-hati semasa meminum alkohol semasa anda mengambil ubat ini. Jika anda minum alkohol, rasa pening atau mengantuk akan bertambah buruk.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Sesetengah kesan sampingan yang biasa termasuklah:

- rasa mengantuk
- pening
- kegelisahan
- tekanan darah tinggi

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DEXPROCO

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan DEXPROCO atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau di atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil DEXPROCO atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berperisa raspberry, warna jernih, perang.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Setiap 5ml sirap mengandungi 15mg *Dextromethorphan HBr*, 30mg *Pseudoephedrine HCl*, dan 3.125mg *Promethazine HCl*.

Bahan-bahan tidak aktif:

- *Menthol*
- *Sodium saccharin*
- *Sodium ascorbate*
- *Citric acid*
- *Water*
- *Propylene glycol*
- *Liquid glucose*
- *Sodium methyl paraben*
- *Coarse sugar*
- *Sodium citrate dihydrate*
- *Raspberry essence*
- *Liquid caramel*
- *Sodium propyl paraben*

- Nombor MAL
MAL11070012A

Pengilang
DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**
DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP
02/02/2015

Nombor siri
BPK(R4/1)301214/00089